



ELEMEN KBAT DALAM BINA UPAYA







KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



ELEMEN KBAT DALAM BINA UPAYA

Aa



Diterbitkan oleh
Kementerian Pendidikan Malaysia
Bahagian Pembangunan Kurikulum
2014



Cetakan Pertama 2014

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam sebarang bentuk dan dengan cara apa-apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4 – 8, Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ELEMEN KBAT DALAM BINA UPAYA

Bibliography: page 12

ISBN 978-967-420-081-7

1. Thought and thinking--Study and teaching--Malaysia--Handbooks,
manuals, etc. 2. Critical thinking. 3. Creative thinking.

I. Malaysia. Kementerian Pendidikan. Bahagian Pembangunan Kurikulum.

370.152

KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
PANEL PENYUMBANG	iv
RUKUN NEGARA	v
FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN	vi
KATA ALU-ALUAN	vii
PENDAHULUAN	viii
1.0 Pengenalan	1
2.0 KBAT dalam Bina Upaya	1
3.0 Pelaksanaan KBAT dalam Bina Upaya Berdasarkan Sekolah	3
3.1 Pembelajaran Terarah Kendiri	5
3.2 Pementoran Dan Bimbingan	6
3.3 Komuniti Pembelajaran Profesionalisme-KPP (<i>Professional Learning Community-PLC</i>)	7
3.4 e-Pembelajaran	8
4.0 Peranan Pentadbir	10
5.0 Penutup	11
RUJUKAN	12

PANEL PENYUMBANG

PENASIHAT:

YBrs. Dr. Masnah binti Ali Muda

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum

En. Shamsuri bin Sujak

Timbalan Pengarah (Kemanusiaan)
Bahagian Pembangunan Kurikulum

YBrs. Dr. Azian binti T.S. Abdullah

Timbalan Pengarah (Dasar, Sains dan Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
(sehingga 4 Julai 2014)

YBhg. Datin Dr. Ng Soo Boon

Timbalan Pengarah (STEM)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
(mulai 4 Julai 2014)

PANEL:

Pn. Zaidah binti Mohd Yusof

Ketua Sektor Sains dan Matematik
Bahagian Pembangunan Kurikulum

Tn. Hj. Sofian Azmi bin Tajul Arus

Ketua Sektor Inovasi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Bahagian Pembangunan Kurikulum

YBrs. Dr. Hajar binti Mohd Nor

Bahagian Pembangunan Kurikulum

En. Ramanathan a/l Nagarathinam

Bahagian Pembangunan Kurikulum

En. Zamzaitul Akmal Hisham bin Ahmad Yusuf

Bahagian Pembangunan Kurikulum

Pn. Saripah Faridah binti Syed Khalid

Bahagian Pembangunan Kurikulum

Pn. Isnazhana binti Ismail

Bahagian Pembangunan Kurikulum

Pn. Wan Mezanie binti Wan Zainal Abidin

Bahagian Pendidikan Guru

En. Ahmad Salihin bin Mat Saat

Institut Aminuddin Baki

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan
dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara hidup yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami
untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas
prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**



FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

*Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550),
Peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah terpilih sehingga 5 Januari 2013 (ms12)*

KATA ALU-ALUAN

Alhamdulillah kita panjatkan rasa syukur kepada Allah Yang Maha Kuasa kerana dengan limpah kurnia-Nya, buku Perincian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dapat disempurnakan penerbitannya.

Penulisan buku Perincian KBAT bertujuan untuk memberi penerangan mengenai pelaksanaan KBAT dalam sistem persekolahan. Penerbitan buku ini merupakan usaha untuk memberi kefahaman kepada pendidik dan masyarakat mengenai pelaksanaan KBAT dalam sistem persekolahan. Pelaksanaan KBAT di sekolah merangkumi tujuh elemen iaitu Kurikulum, Pedagogi, Pentaksiran, Kokurikulum, Sokongan Komuniti dan Swasta, Bina Upaya dan Sumber. Kejayaan dalam mencapai objektif KBAT bergantung kepada perancangan yang rapi dan menyeluruh melibatkan ketujuh-tujuh elemen tersebut.

Besarlah harapan saya, agar buku ini dijadikan sebagai sumber rujukan dan panduan untuk melaksanakan KBAT dalam sistem pendidikan di sekolah. Kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buku Perincian KBAT, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.



Dr. MASNAH BINTI ALI MUDA
Pengarah



Dr. MASNAH BINTI ALI MUDA
Pengarah
Bahagian Pembangunan
Kurikulum 2014

PENDAHULUAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menggariskan enam aspirasi iaitu kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti sosial, pengetahuan dan kemahiran berfikir yang diperlukan oleh setiap murid untuk berupaya bersaing pada peringkat global. Daripada enam aspirasi yang dinyatakan, buku ini memberi fokus kepada kemahiran berfikir. Penguasaan kemahiran berfikir yang mantap memainkan peranan penting dalam melahirkan murid yang kreatif dan inovatif.

Kemahiran berfikir yang ditekankan ialah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) kerana trend perkembangan pendidikan masa kini menuntut kemahiran tersebut. Penerapan KBAT dalam pendidikan menggunakan pendekatan yang menyeluruh dan sistematik yang merangkumi tujuh elemen KBAT yang terdiri daripada tiga elemen utama iaitu Kurikulum, Pentaksiran dan Pedagogi serta empat elemen sokongan iaitu Kokurikulum, Sokongan Komuniti dan Swasta, Sumber dan Bina Upaya. Kesemua elemen ini adalah untuk membudayakan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan guru dan murid. Setiap elemen KBAT akan diperincikan dalam bentuk buku dan dikemas kini dari semasa ke semasa melalui laman web BPK. Maklumat terkini yang diperoleh boleh dijadikan koleksi yang komprehensif mengenai pelaksanaan KBAT.

Buku Elemen KBAT dalam Bina Upaya mengesyorkan pendekatan yang boleh diambil oleh pentadbir dan guru untuk meningkatkan keupayaan diri dalam membudayakan KBAT di sekolah.



1.0 PENGENALAN

Kemahiran berfikir bukanlah sesuatu yang baharu dan asing kepada guru dan pentadbir sekolah. Mereka telah didedahkan tentang konsep dan kaedah pelaksanaan kemahiran berfikir semasa mengikuti latihan keguruan dan kepimpinan sekolah. Guru telah dilatih dengan kemahiran berfikir apabila Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK) telah mula diperkenal dan dilaksanakan di sekolah mulai tahun 1994. Seiring dengan perkembangan pendidikan masa kini, timbul keperluan untuk memberi penekanan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Peranan guru sangat signifikan bagi menerapkan KBAT dalam kalangan murid. Justeru, guru perlu mempertingkatkan bina upaya mereka untuk melaksanakan KBAT secara berterusan dan bersungguh-sungguh supaya dapat melahirkan murid yang berfikiran aras tinggi.

2.0 KBAT DALAM BINA UPAYA

Bina upaya merupakan aktiviti yang mengukuhkan pengetahuan, keupayaan, kemahiran dan tingkah laku individu ke arah mencapai misi dan matlamat organisasi dengan cekap dan mampan. KBAT dalam Bina Upaya didefinisikan secara operasi sebagai suatu proses latihan pembangunan profesionalisme yang dilalui oleh guru untuk meningkatkan tahap kompetensi mereka dalam KBAT.

KBAT dalam Bina Upaya yang terancang dan sistematik membolehkan guru memberikan perkhidmatan terbaik ke arah mencapai keberhasilan murid yang berfikiran aras tinggi. Dalam kalangan guru, KBAT dalam Bina Upaya perlu dilaksanakan secara komprehensif, intensif dan berterusan melalui pelbagai kaedah seperti latihan, pembelajaran komuniti dan secara terarah kendiri. KBAT dalam Bina Upaya ini perlu dilestarikan bagi memastikan keupayaan guru dalam PdP sentiasa ditingkatkan.



Objektif Utama KBAT dalam Bina Upaya adalah untuk:

i

Menyediakan guru yang berkelayakan, berkebolehan dan berkeyakinan tinggi dalam melaksanakan KBAT

ii

Meningkatkan produktiviti dan kompetensi guru dalam melaksanakan KBAT

iii

Membentuk nilai murni dan sikap positif guru dalam melaksanakan KBAT

iv

Mewujudkan nilai cipta dan nilai tambah guru semasa melaksanakan KBAT


v

Meningkatkan profesionalisme dan keterampilan guru untuk kemajuan kerjaya

3.0 PELAKSANAAN KBAT DALAM BINA UPAYA BERASASKAN SEKOLAH

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan konsep latihan dalam perkhidmatan berasaskan sekolah. Antara tujuan diperkenalkan konsep tersebut adalah bagi meningkatkan tahap profesionalisme guru berdasarkan keperluan sekolah, mengatasi masalah guru meninggalkan kelas dan melindungi masa instruksional di sekolah (MMI). Sehubungan dengan itu, KBAT dalam Bina Upaya guru boleh dilaksanakan berdasarkan konsep latihan seperti yang dinyatakan.

Konsep latihan dalam perkhidmatan berasaskan sekolah ini boleh dilaksanakan melalui tindakan berikut:

- 
- i. Menubuhkan panel pembangunan profesionalisme guru.
 - ii. Menyediakan peruntukan untuk tujuan latihan melalui pembiayaan dan sumbangan daripada sumber dalaman dan luaran.
 - iii. Memastikan setiap guru dan pentadbir sekolah mengikuti aktiviti peningkatan profesionalisme sekurang-kurangnya 7 hari dalam setahun.

Kesedaran untuk meningkatkan ilmu tentang KBAT perlu ada dalam diri seseorang bagi memastikan penerapan KBAT dapat ditingkatkan dengan lebih berkesan secara berterusan. Hasrat ini dapat dipenuhi melalui pelbagai kaedah latihan. Kaedah latihan yang pelbagai boleh dirancang dan diatur mengikut kesesuaian dan kebolehlaksanaannya sama ada di peringkat sekolah.

Dalam merancang latihan dalam perkhidmatan berasaskan sekolah, aspek-aspek seperti kebolehhadiran peserta, kesesuaian tempat dan masa, pemilihan penceramah dan fasilitator serta pengisian latihan perlu dikaji bagi memastikan matlamat dan objektif latihan tercapai. Terdapat pelbagai kaedah latihan dalam perkhidmatan berasaskan sekolah bagi melaksanakan KBAT dalam Bina Upaya seperti berikut:



Lazimnya latihan dalam perkhidmatan dilaksanakan secara berpusat. Guru menghadiri kursus yang telah ditetapkan bagi meningkatkan profesionalisme mereka sendiri melalui aktiviti seperti bengkel, seminar, sesi pementoran dan bimbingan, taklimat dan Hari Profesional. Walau bagaimanapun, dalam usaha meningkatkan bina upaya diri dalam KBAT, guru digalakkan meningkatkan potensi dan kompetensi diri atas usaha serta inisiatif sendiri.

3.1. Pembelajaran Terarah Kendiri

KBAT dalam Bina Upaya secara terarah kendiri dilakukan atas usaha dan inisiatif sendiri tanpa menunggu dan mengharapkan pengajuran program atau aktiviti KBAT daripada pihak sekolah maupun agensi luar. Antara aktiviti yang boleh dilibatkan adalah:

- 
- i. pembudayaan ilmu melalui pembacaan bahan digital dan bukan digital berbentuk akademik, profesional dan jurnal
 - ii. perbincangan profesional dengan rakan sejawat dan pakar daripada dalam dan luar
 - iii. menjalankan penyelidikan seperti kajian kes dan kajian tindakan
 - iv. melalui e-pembelajaran dengan mengambil bahagian dalam forum dan membina rangkaian kerja
 - v. menghadiri latihan, kursus, persidangan, seminar, bengkel dengan pembiayaan sendiri

3.2. Pementoran Dan Bimbingan

Guru mengambil inisiatif untuk mendapatkan khidmat pementoran dan bimbingan serta kepakaran daripada pentadbir, *School Instructional Specialist Coach Plus (SISC+)* dan guru cemerlang bagi memantapkan keupayaan dan kompetensi dalam melaksanakan KBAT. Pelaksanaan program ini perlu dirangka secara terancang oleh pentadbir di sekolah. Guru perlu merancang jadual untuk perbincangan mentor atau pembimbing bersama mentee (yang dibimbing) supaya program ini dapat berjalan dengan lancar dan berkesan serta dimanfaatkan sebaik mungkin.



3.3. Komuniti Pembelajaran Profesionalisme-KPP (*Professional Learning Community-PLC*)

KBAT dalam Bina Upaya boleh dilaksanakan melalui inisiatif KPP. Inisiatif KPP merujuk kepada amalan pembelajaran secara kolaboratif dalam kalangan pendidik untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Melalui KPP, guru boleh bertukar pendapat dan berkongsi pengetahuan serta pengalaman berkaitan KBAT bagi menyelesaikan masalah pembelajaran murid di sekolah. Antara aktiviti KPP adalah seperti Kelab Buku, Kumpulan Perbincangan, Kritik Video PdP, *Learning Walks* dan *Lesson Study*. Penglibatan dalam KPP dapat meningkatkan KBAT dan tahap profesionalisme dalam kalangan guru.



3.4. e-Pembelajaran

Bina upaya melalui e-Pembelajaran membolehkan guru meningkatkan ilmu dan kemahiran berkaitan KBAT. Melalui e-Pembelajaran, guru boleh mengikuti kursus KBAT dengan kadar kendiri, tanpa sempadan masa dan tempat. Kursus KBAT melalui e-Pembelajaran boleh dilaksanakan dengan alat peranti seperti komputer dan telefon pintar. Guru digalakkan menggunakan laluan ini untuk peningkatan profesionalisme dalam ilmu, kemahiran pedagogi dan pentaksiran penguasaan murid dalam KBAT. Di samping itu, e-Pembelajaran memberi peluang kepada guru untuk berkolaborasi dengan pendidik dan ahli akademik di dalam dan di luar negara.

Sebagai contoh, bagi membantu guru meningkatkan penguasaan KBAT melalui e-Pembelajaran, KPM telah membangunkan sistem aplikasi seperti Kursus i-THINK Dalam Talian (KiDT) di laman web <https://www.ithinkonline.org.my>.

Di samping itu, guru boleh mengikuti kursus KBAT dalam talian melalui laman web seperti berikut:

- www.criticalthinking.org
- www.thinkbuzan.com
- www.habitsofmind.org
- www.thinkingclassroom.co.uk


Selain itu, guru boleh membangunkan satu repositori dan direktori bahan pembelajaran digital KBAT yang boleh dimanfaat oleh semua warga sekolah sekaligus membangunkan budaya berkongsi sumber KBAT dalam VLE Frog.



4.0 PERANAN PENTADBIR

Pentadbir memainkan peranan penting dalam membudayakan KBAT di sekolah. Sehubungan dengan itu, pentadbir sekolah perlu mempunyai ilmu dan kemahiran berkaitan KBAT sebelum mereka melaksanakan usaha untuk mengangkat kemahiran tersebut sebagai amalan dan budaya di sekolah. Ilmu dan kemahiran yang diperolehi dapat membantu pentadbir sekolah membuat pemantauan secara klinikal, bimbingan, pementoran dan penilaian bagi memastikan KBAT dilaksanakan dengan berkesan.

Pentadbir boleh memimpin pembudayaan KBAT melalui pembangunan organisasi secara menyeluruh menggunakan pengupayaan dalaman sekolah yang melibatkan seluruh warga sekolah dan komuniti setempat. Pentadbir menjadi penggerak untuk menginstitusikan pembudayaan KBAT dalam aktiviti sekolah.



5.0 PENUTUP

KBAT dalam Bina Upaya akan meningkatkan keupayaan dan keyakinan pentadbir sekolah dan guru untuk membudayakan KBAT di sekolah. Pendekatan bina upaya yang disyorkan adalah melalui latihan berdasarkan sekolah secara terarah kendiri. Kejayaan KBAT dalam Bina Upaya mampu melahirkan murid yang berkebolehan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.

RUJUKAN

1. Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025
2. Continuing Professional Development for School muat turun daripada <http://www.rbkc.gov.uk> pada 4 Nov 2014
3. Elearning benefits of online courses for CPD muat turun daripada <http://continuingprofessionaldevelopment.org> pada 4 Nov 2014





Diterbitkan oleh
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM
Aras 4 – 8, Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
Tel: 03 8884 2000 Faks: 03 8888 9917
<http://www.moe.gov.my/bpk>

ISBN 978-967-420-081-7

9 789674 200817